

SOALAN NO: 394

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN

TARIKH: -

SOALAN:

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan hasil kajian yang telah dilakukan terhadap isu kebebasan berpersatuan dalam kalangan pekerja sepetimana yang dijamin di bawah Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

PR-1341-T72231

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah menjalankan analisis berhubung isu kebebasan berpersatuan dengan meneliti prinsip-prinsip yang digariskan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di bawah Konvensyen No. 87 iaitu *Freedom of Association and Protection of the Right to Organise Convention, 1948*. Prinsip-prinsip ini juga telah termaktub dalam Bab Buruh di bawah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia. Berikutan daripada hasil analisis dan komitmen Malaysia di bawah TPPA, kajian semula dan pindaan akan dibuat ke atas Akta Kesatuan Sekerja 1959.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN
HASAN [TEMERLOH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sekiranya terdapat cadangan untuk merevisi semula syarat dan kriteria Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Syarat dan kriteria Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia (BKAP1M) telah diguna pakai sejak mula dilaksanakan. Walau bagaimanapun, YAB Perdana Menteri melalui Ucapan Bajet 2016 telah menyatakan bahawa BKAP1M diteruskan untuk pelaksanaan **bagi tahun 2016 dikhususkan kepada pelajar sekolah dari kalangan isi rumah berpendapatan 3 ribu ringgit ke bawah yang memanfaatkan 3.5 juta murid dengan peruntukan 350 juta ringgit.**

RT13/396

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN
HASAN [TEMERLOH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan maklumat sebenar kepentingan perkhidmatan seperti maklumat lebihan guru, kekurangan perjawatan guru di sesebuah negeri bagi memudahkan proses pertukaran guru.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Penempatan guru baharu adalah berdasarkan kepada kekosongan perjawatan dan keperluan opsyen. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menempatkan guru-guru terlatih secara saksama iaitu keseimbangan guru terlatih di semua negeri/daerah/sekolah diambil kira.

27
26